



# JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

07 NOVEMBER 2024 (KHAMIS)

## Cadangan tanam mikrocip haiwan peliharaan kurang sambutan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	26	07 Nov

## Cadangan tanam mikrocip haiwan peliharaan kurang sambutan

**SHAH ALAM** - Persatuan Haiwan Malaysia mendedahkan cadangan menguatkuasakan peraturan kucing dan anjing ditanam mikrocip kurang disambut baik oleh agensi berkaitan.

Presiden Persatuan Haiwan Malaysia, Arie Dwi Andika berkata, cadangan diutarakan setiap tahun itu tidak mendapat persetujuan atas beberapa faktor termasuk kos dan bantahan awam.

"Kami tidak bersetuju apabila alasan bantahan awam dibangkitkan kerana sehingga kini pihak berkuasa gagal mengawal populasi dan masalah pembuangan haiwan peliharaan.

"Apabila masalah ini tidak dapat ditangani, jadi perlu kita kuatkuasakan sistem mikrocip untuk diikuti semua pihak," katanya ketika dihubungi pada Selasa.

Menurut Arie Dwi, pihaknya beranggapan pemilik perlu bersedia menanggung sebarang kos apabila bersetuju memelihara haiwan.

"Kita mahu masyarakat bertanggungjawab dan menjadi penjaga terbaik kepada haiwan ini supaya ia tidak menyusahkan atau mengganggu masyarakat.

"Saya rasa isu kos tidak membimbangkan jika mempunyai permintaan tinggi, mungkin kerajaan boleh mengawal harga mikrocip di pasaran," ujar beliau.

Jelasnya, sudah tiba masa untuk kerajaan menguatkuasakan peraturan pemakaian mikrocip itu.

"Secara umumnya, penggunaan mikrocip membantu pemilik mengesan haiwan peliharaan mereka yang hilang atau mengesan pemilik haiwan terbiar," katanya.



Mikrocip membolehkan pihak berkuasa mengenal pasti pemilik haiwan terbiar. Gambar hiasan.

## Persatuan Haiwan Malaysia berjaya kumpul hampir 150 haiwan terbiar

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Negeri	26	07 Nov

## Persatuan Haiwan Malaysia berjaya kumpul hampir 150 haiwan terbiar



Sharifah Syahirah (empat dari kanan) merasmikan program Pameran Foto: Jiwa Jalanan (*Souls of the Street*) di UPTM pada Rabu.

KUALA LUMPUR - Persatuan Haiwan Malaysia mengesahkan berjaya menyelamatkan hampir 150 haiwan terbiar sama ada dikutip di jalanan atau diberi orang ramai di sekitar Lembah Klang tahun ini.

Presidennya, Dr Arie Dwi Andika berkata, haiwan seperti kucing, anjing dan arnab diselamatkan akan diperiksa terlebih dahulu bagi memudahkan proses rawatan lanjut di rumah perlindungan.

"Ada kuota ditetapkan persatuan, jadi memang kena periksa dahulu sama ada berpenyakit atau tidak.

"Selepas dirawat, haiwan ini akan dijual dengan harga berpatutan kepada pencinta haiwan untuk dipelihara.

"Bayaran ini sebagai komitmen pembeli untuk melakukan kebaikan membantu binatang termasuk kos perlindungan," katanya ketika



menghadiri Majlis Pelancaran Pameran Foto: Jiwa Jalanan (*Souls of the Street*) di Universiti Poly-Tech Malaysia (UPTM) di sini pada Rabu.

Terdahulu, program itu dirasmikan Naib Canselor, Profesor Madya

Penuntut UPTM melihat kucing terbiar yang diselamatkan.

Dr Sharifah Syahirah Sy Sheikh.

Arie Dwi berkata, acara anjuran penuntut universiti itu dilihat mampu meningkatkan kesedaran pelbagai pihak terutama mahasiswa terhadap kebaikan haiwan terbiar di jalanan atau bandar.

## F&N cari baka lembu lain, tunda pengeluaran di Gemas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Bisnes	24	07 Nov

## F&N cari baka lembu lain, tunda pengeluaran di Gemas

**Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N)** menjangkakan kelewatan antara enam hingga 12 bulan pengeluaran susu dari ladang tenusu syarikat itu di Gemas yang sepatutnya dijadualkan bermula Januari depan.

Ketua Pegawai Eksekutif F&N, Lim Yew Hoe, berkata hal ini kerana penghantaran kumpulan pertama lembu betina dari Amerika Syarikat (AS) yang pada mulanya dirancang untuk berlepas dari pelabuhan Washington pada 29 Oktober lalu telah dibatalkan.

Katanya, ia berikutan penerimaan surat penggantungan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia pada 24 Oktober lalu susulan kebimbangan wabak selesma burung.

"Kumpulan kecewa dengan perkembangan terbaru ini walaupun mengambil setiap lang-

kah berjaga-jaga yang perlu untuk memastikan lembu terabit bebas penyakit selaras dengan protokol yang ditetapkan antara pihak berkuasa Malaysia menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan AS melalui Jabatan Pertanian dan Perkhidmatan Periksaa Kesihatan Haiwan dan Tumbuhan untuk pengimporan lembu berkenaan.

"Adalah malang kerana rancangan kami untuk memainkan peranan dalam meningkatkan keselamatan makanan negara selaras dengan rangka kerja Malaysia Madani tidak berjalan seperti yang dirancang.

"F&N meneroka baka lembu dari negara lain yang boleh menawarkan kualiti setanding yang kami mahukan seperti di AS.

"Kami jangka akan mengambil masa enam hingga 12 bulan un-

tuk mendapatkan lembu baharu," katanya pada taklimat prestasi tahun kewangan penuh 2024 di Shah Alam, semalam.

F&N melaporkan peningkatan untung bersih kepada RM542.77 juta bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2024 daripada RM536.90 juta yang dicatatkan dalam tempoh sama tahun lalu.

Perolehan syarikat pula meningkat kepada RM5.25 bilion daripada RM5 bilion sebelumnya, didorong oleh jualan domestik yang lebih tinggi daripada operasi makanan dan minuman (F&B) di Malaysia serta Thailand selain eksport ke Kembanga. Mengulas lanjut, Yew Hoe berkata, F&N tidak menjangka isu kelewatan itu akan menjadikan prestasi keuntungan kumpulan kerana mempunyai keupayaan untuk menyerapnya.



Yew Hoe pada taklimat media prestasi tahun kewangan penuh F&N di Shah Alam, semalam.  
(Foto Amirudin Sahib/BH)

## F&N to use other sources of cows for dairy farm

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
TheStar	News	6	07 Nov

# F&N to use other sources of cows for dairy farm

Original plans for US livestock hit by outbreak of avian flu

### CONSUMER

**SHAH ALAM:** Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) expects the company's first batch of cows to only arrive in six to 12 months following the cancellation of the permit to import 2,500 US-bred cows by the government as a precautionary move following an outbreak of avian flu.

F&N's chief executive officer Lim Yew Hoe said in a briefing to analysts and the media yesterday that the company's plans to diversify into the production of fresh milk will not be deterred as it would continue to develop the 2,726ha of land in Gemas, Negri Sembilan into an integrated dairy farm.

F&N has spent RM1.4bil of the RM2bil allocated for the first phase of the project.

The second phase would involve a further RM1bil in spending. The company plans to produce up to 200 million litres of milk annually from 20,000 cows as well as produce beef, and corn for animal feed, as part of its diversification when the farm becomes fully operational.

The company expects to produce up to 100 million litres of milk from the first phase.

Lim admitted that there would be a delay in the completion of the integrated dairy farm as the second phase would not be developed until the completion of the first phase.

He said the company would look into the matter of higher dividend payouts given that the delay of the second phase meant lower spending on the farm and higher than expected cashflow.

F&N declared a total of 63 sen per share in dividends for its financial year ended Sept 30, 2024 (FY24), after declaring a final

"The company's plans to diversify into the production of fresh milk will not be deterred as it would continue to develop the 2,726ha of land in Gemas, Negri Sembilan into an integrated dairy farm."

Lim Yew Hoe

single tier dividend of 33 sen per share and an interim dividend of 30 sen per share on Nov 5. For FY23, the company declared a total of 77 sen per share in dividends.

Lim said the company has backup plans for livestock from other sources, but the first batch will take anything from six to 12 months to arrive, with the delay of up to a year due to choppy sea conditions and soaring temperatures from April to September in this part of the world that can badly affect the cows.

He said the company was looking into alternative sources from which to import the cows, and that the cows must have the genomic traits that the cows the company ordered from the US have.

The company would also continue to liaise with the government over the matter of future contagion events and how to mitigate the risks.

The company would continue to develop the first phase of the integrated dairy farm and also start the planting of corn for animal feed in December, which should be ready for harvesting next April.

The cows should have animal feed ready for consumption by July, which Lim said

would help lower the farm's operating costs.

He also said that from the 100 million litres of milk expected to be produced from the first phase, up to 20 million litres would be supplied to F&N's plant in the Suvannaphum Special Economic Zone in Cambodia and another 10 million litres to 15 million litres to Singapore as bulk supply to be packed in the company's Tuas plant. The remainder would go towards domestic consumption.

On the matter of the excise duty on sugar-sweetened beverages, which would be increased to 90 sen per litre from 40 sen per litre, next year for beverages containing more than five grammes of sugar per 100ml announced under Budget 2025, Lim said the impact would be minimal and the company would try to absorb the cost.

The range of products that cross the sugar threshold contributes less than 1% in terms of sales and include the energy drink Ranger, F&N Teh Tarik and Magnolia Sterilised Milk.

Lim said the company would be looking into how to improve recipes and formulas to lower the sugar volume.

## Mekanik pukul anjing hingga mati ditahan polis

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Harian Metro	Online	-	06 Nov

### Mekanik pukul anjing hingga mati ditahan polis



SUSPEK menunjukkan lokasi kejadian ketika ditahan polis. FOTO Ihsan Polis

Keningau: Polis menahan seorang mekanik selepas tindakannya memukul anjing hingga mati menggunakan batang besi tular di media sosial.

Suspek lelaki berusia 39 tahun itu ditahan Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Keningau, di sebuah bengkel di Kampung Patikang di sini, semalam.

Ketua Polis Daerah Keningau Superintendant Yampil Garai berkata, pihaknya menerima laporan daripada seorang kakitangan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Keningau.

"Polis berjaya menahan suspek terbabit dan hasil soal siasat, suspek mengaku sebagai individu yang dirakam dalam kejadian berkenaan.

"Video itu dirakam rakan sekerja suspek pada 24 Oktober lalu di bengkel berkenaan dan suspek mengaku anjing berkenaan dibunuh," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Beliau berkata, suspek direman pagi tadi hingga 9 November ini dan kes disiasat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.

Semalam, video kejadian itu tular di media sosial.

# Lelaki kejam pukul anjing sampai mati akhirnya dicekup polis

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Scoop	Online	-	06 Nov

## Lelaki kejam pukul anjing sampai mati akhirnya dicekup polis

20 jam lalu



Video tular yang memaparkan seorang lelaki memukul seekor anjing hingga mati telah mengundang kecaman ramai. - Tangkap layar dari media sosial, 6 November, 2024

**KUALA LUMPUR** – Seorang lelaki warga asing berusia 39 tahun ditahan reman tiga hari kerana disyaki memukul seekor anjing dengan batang besi hingga mati di Keningau, Sabah baru-baru ini.

Ketua Polis Keningau, Yampil Garai berkata pihaknya menerima laporan satu video tular mengenai kejadian itu semalam dan hasil siasatan mendapati ia berlaku di sebuah bengkel di Kampung Patikang, Keningau pada 24 Oktober lalu.

Susulan laporan itu, sepasukan anggota dari bahagian siasatan jenayah IPD Keningau berjaya menahan suspek pada jam 10.30 malam Selasa dan merampas batang besi yang digunakan.

“Polis telah menerima aduan awam melihat video di laman sosial Facebook, yang mana satu lelaki telah memukul seekor anjing menggunakan sebatang besi sehingga mati.

“Suspek kini direman selama tiga hari untuk siasatan lanjut,” katanya dalam kenyataan, hari ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 428 Kanun Keseksaan kerana khianat dengan membunuh haiwan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 kerana penyebaran video tersebut.

Terdahulu, satu video berdurasi satu minit tular di media sosial memperlihatkan seorang lelaki memukul seekor anjing sehingga mati menggunakan batang besi di sebuah bengkel.

Tindakan kejam suspek dikecam netizen, apatah lagi dalam video itu kedengaran gelak ketawa rakan-rakan suspek pada penghujung rakaman tersebut.

Malah ramai yang tidak sanggup menonton video yang memaparkan sifat tidak berperikemanusiaan sehingga sanggup memperlakukan binatang sedemikian rupa.

‘Semoga pembunuh haiwan dapat hukuman yang setimpal, karma akan jatuh kepadanya.

“Bagus...rasakan.

“Terbaik PDRM. Puas hatiku akhirnya di pelaku ditangkap.

“Tertengok video satu lelaki pukul anjing sampai mati, sedangkan anjing tu tak kakau pun, elok je baring. Hati aku disiat-siat rasanya. Tergamak kamu wahai manusia buat zalim pada binatang macam ini,” demikian antara komen-komen di media sosial. – 6 November, 2024

# F&N cari baka lembu lain, tangguh pengeluaran susu dari ladang di Gemas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita Harian	Online	-	06 Nov

## F&N cari baka lembu lain, tangguh pengeluaran susu dari ladang di Gemas



Yew Hoe pada taklimat media prestasi tahun kewangan penuh F&N di Shah Alam, hari ini -NSTP/AMIRUDIN SAHIB.

SHAH ALAM: Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) menjangkakan kelewatan antara enam hingga 12 bulan pengeluaran susu dari ladang tenusu syarikat itu di Gemas yang sepatutnya dijadualkan bermula Januari depan.

Ketua Pegawai Eksekutif F&N, Lim Yew Hoe, berkata hal ini kerana penghantaran kumpulan pertama lembu betina dari Amerika Syarikat (AS) yang pada mulanya dirancang untuk berlepas dari pelabuhan Washington pada 29 Oktober lalu telah dibatalkan.

Katanya, ia berikutan penerimaan surat penggantungan daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia pada 24 Oktober lalu susulan kebimbangan mengenai wabak HPAI H5N1 (selesesa burung).

"Kumpulan kecewa dengan perkembangan terbaru ini walaupun mengambil setiap langkah berjaga-jaga yang perlu untuk memastikan lembu terabit bebas daripada penyakit selaras dengan protokol yang ditetapkan antara pihak berkuasa Malaysia menerusi Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan AS melalui Jabatan Pertanian dan Perkhidmatan Pemeriksaan Kesihatan Haiwan dan Tumbuhan untuk pengimportan lembu berkenaan."

"Adalah malang kerana rancangan kami untuk memainkan peranan dalam meningkatkan keselamatan makanan negara selaras dengan rangka kerja Malaysia Madani tidak berjalan seperti yang dirancang."

"F&N kini sedang meneroka pilihan lain untuk mengimport baka lembu dari negara lain yang boleh menawarkan kualiti setanding dengan yang kami mahukan seperti di AS. Kami menjangka akan mengambil masa antara enam hingga 12 bulan untuk mendapatkan pengganti lembu baharu," katanya pada taklimat prestasi tahun kewangan penuh 2024 di sini, hari ini.

F&N melaporkan peningkatan keuntungan bersih kepada RM542.77 juta bagi tahun kewangan berakhir 30 September 2024 daripada RM536.90 juta yang dicatatkan dalam tempoh sama tahun lalu.

Perolehan syarikat pula meningkat kepada RM5.25 bilion daripada RM5 bilion sebelumnya, didorong oleh jualan domestik yang lebih tinggi daripada operasi makanan dan minuman (F&B) di Malaysia serta Thailand selain eksport ke Kemboja.

Mengulas lanjut, Yew Hoe berkata, F&N tidak menjangka isu kelewatan itu akan menjadikan prestasi keuntungan kumpulan kerana mempunyai keupayaan untuk menyerapnya.

"Namun dari segi aliran tunai akan terjejas kerana kumpulan tidak menerima sebarang hasil sepanjang tempoh itu," katanya.

Sementara itu, ditanya mengenai kesan kenaikan cukai gula sebanyak 90 sen daripada 50 sen ketika ini pada tahun depan, Yew Hoe berkata, kenaikan tambahan 40 sen itu hanya memberi kesan minimum iaitu kurang daripada satu peratus membabitkan produk minuman keluarannya.

"Cukai ini akan menyebabkan kos tambahan sebanyak RM1.2 juta yang perlu dibayar pada tahun depan. Kebiasaannya, kami akan menyerap kos ini kerana itulah cara kami menguruskannya," katanya.

Pengenaan duti eksais terhadap minuman bergula telah diperkenalkan melalui Belanjawan 2019 pada kadar 40 sen dan dinaikkan sebanyak 10 sen kepada 50 sen melalui Belanjawan 2024.

Kenaikan 40 sen diumumkan melalui Belanjawan 2025 menjadikan keseluruhan duti eksais adalah sebanyak 90 sen seliter dan hanya dikenakan terhadap tiga kategori minuman bergula sedia diminum yang dikilangkan dalam negara atau diimport dari luar negara.

## Selesema burung: F&N berdepan setahun penangguhan penghantaran lembu betina dari AS

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Bernama	Online	-	06 Nov

### Selesema Burung: F&N Berdepan Setahun Penangguhan Penghantaran Lembu Betina Dari AS



SHAH ALAM, 6 Nov (Bernama) -- Fraser & Neave Holdings Bhd (F&N) menjangkakan penangguhan penghantaran kumpulan lembu betina pertamanya dari Amerika Syarikat (AS) dalam tempoh enam bulan hingga satu tahun berikutnya pembatalan penghantaran, akibat kebimbangan wabak selesema burung.

Syarikat itu pada mulanya merancang untuk memerah susu pertama daripada kumpulan lembu tersebut pada Januari 2025.

Ketua Pegawai Eksekutif F&N Lim Yew Hoe berkata kumpulan lembu betina berkenaan dijadualkan berlepas dari Washington Port, AS pada 29 Okt, 2024 tetapi penghantaran tersebut dibatalkan selepas Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia (DVS) mengeluarkan surat penangguhan pada 24 Okt, 2024 disebabkan wabak itu.

Lim bagaimanapun meluahkan kekecewaan dan berkata F&N telah mengambil langkah-langkah pencegahan yang teliti bagi memastikan lembu-lembu berkenaan memenuhi piawaian seperti bebas penyakit, mengikut protokol ditetapkan antara DVS Malaysia dan Jabatan Pertanian AS serta Perkhidmatan Pemeriksaan Kesihatan Haiwan dan Tumbuhan (bagi pengimportan lembu).

"Adalah malang rancangan kami untuk menyokong keselamatan makanan negara, selaras dengan kerangka Malaysia MADANI tidak berjalan seperti yang dijangkakan. F&N kini sedang meneroka pelbagai pilihan.

"Sebagai langkah seterusnya, kami kini bekerjasama dengan pihak berkepentingan yang relevan untuk mendapatkan baka lembu betina berprestasi tinggi dari AS," katanya semasa memberikan taklimat keputusan kewangan penuh F&N bagi tahun kewangan 2024.

Apabila ditanya sama ada kelewatan itu akan memberi kesan kepada keuntungan syarikat, Lim berkata F&N mampu menguruskan situasi tersebut.

"Kami cukup kukuh untuk mengendalikan hal ini, tetapi aliran tunai akan terkesan kerana tiada pendapatan yang masuk," katanya.

Lim turut mengumumkan syarikat memperuntukkan sebanyak RM2 bilion untuk fasa pertama pembangunan ladang tenusu terintegrasi di Gemas, Negeri Sembilan dengan RM1 bilion lagi diperuntukkan untuk pembangunan fasa kedua.

Ladang tenusu terintegrasi itu disasarkan untuk menyumbang 200 juta liter susu segar setiap tahun kepada keselamatan makanan negara, disokong oleh sekumpulan 200,000 ekor lembu perah, kata Lim.

Mengenai rancangan kerajaan untuk menaikkan cukai eksais ke atas minuman bergula kepada 90 sen seliter tahun depan berbanding 50 sen, Lim berkata kenaikan 40 sen itu akan memberi impak yang minimum, dengan kos tambahan RM1.2 juta dalam bentuk cukai kepada syarikat.

"Kami mempunyai kira-kira satu peratus daripada keseluruhan produk minuman kami yang mengandungi lebih daripada lima gram gula setiap 100 mililiter (ml) dan merancang untuk merumus semula produk-produk tersebut bagi memastikan 100 peratus produk kami mengandungi kurang daripada lima gram gula setiap 100ml pada masa akan datang," katanya.

-- BERNAMA

*BERNAMA menyediakan informasi dan berita terkini yang sahih dan komprehensif yang disebarluaskan melalui Wires BERNAMA; www.bernama.com; BERNAMA TV di saluran Astro 502, unifi TV 631 dan MYTV 121 dan Radio BERNAMA di frekuensi FM93.9 (Lembah Klang), FM107.5 (Johor Bahru), FM107.9 (Kota Kinabalu) dan FM100.9 (Kuching).*

**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR